



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA


***PENGARUH KESEJAHTERAAN KAUNSELOR TERHADAP PENGLIBATAN
KERJA DALAM KALANGAN KAUNSELOR DI MALAYSIA***

NG HAW KUEN

FPP 2015 8



**PENGARUH KESEJAHTERAAN KAUNSELOR TERHADAP PENGLIBATAN
KERJA DALAM KALANGAN KAUNSELOR DI MALAYSIA**



**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains**

Febuari 2015

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

PENGARUH KESEJAHTERAAN KAUNSELOR TERHADAP PENGLIBATAN KERJA DALAM KALANGAN KAUNSELOR DI MALAYSIA

Oleh

NG HAW KUEN

Februari 2015

Pengerusi: Wan Marzuki Wan Jaafar, PhD

Fakulti: Pengajian Pendidikan

Isu kesejahteraan kaunselor dibincang secara meluas di peringkat global, kaunselor tidak stabil yang mempunyai masalah seperti kelesuan dan keletihan, kehilangan sifat belas kasihan, trauma penganti, kerungsingan, tekanan kerja, masalah mental, penyalahgunaan bahan kimia, masalah fizikal dan lain-lain merupakan ancaman kepada profesion ini.

Maka kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti hubungan dan pengaruh antara Kesejahteraan dengan Penglibatan Kerja dalam kalangan kaunselor di Malaysia. Reka bentuk kajian merupakan kombinasi kajian deskriptif dan kolerasi. Sampel kajian adalah seramai 340 orang Guru Kaunseling dan diambil secara rawak berlapis dari jenis sekolah dan negeri di Malaysia.

Alat kajian yang digunakan terdiri daripada Inventori *Five Wellness Inventory* (5F-WEL) yang bertujuan untuk mengukur tahap kesejahteraan dan Penglibatan Kerja Kanungo yang bertujuan untuk mengukur tahap penglibatan kerja. Nilai pekali Kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* bagi Kesejahteraan adalah .94 dan Penglibatan Kerja adalah .85. Data dianalisis dengan menggunakan kaedah deskriptif, ujian korelasi Pearson dan regresi pelbagai.

Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara Kesejahteraan dengan Penglibatan Kerja ($r = .227$). Analisis Regresi Pelbagai mendapati bahawa 8.6% perubahan dalam Penglibatan Kerja adalah disebabkan oleh kombinasi keenam-enam pembolehubah dalam Kesejahteraan dan ia mampu meramal secara signifikan Penglibatan Kerja Guru Kaunseling ($R^2 = .086$, $F(5, 334) = 6.258$, $p < .05$). Berdasarkan kekuatan beta dalam pekali piawai, didapati Kreativiti Diri ($\beta = .253$, $t = 3.381$, $p < .05$) mempunyai pengaruh yang lebih kuat terhadap

Penglibatan Kerja Guru Kaunseling berbanding dengan komponen kesejahteraan yang lain.

Namun jika menjalankan perbandingan skor min antara 5F-WEL ($M= 81.72$) dengan Guru Kaunseling ($M= 78.29$) di Malaysia, didapati Guru Kaunseling masih perlu berusaha untuk mempertingkatkan kesejahteraan mereka. Selain itu, keputusan kajian juga mendapati bahawa responden mempunyai tahap penglibatan kerja yang tinggi dan tahap kesejahteraan yang kurang memuaskan.

Secara keseluruhan, dapatan kajian ini dapat memberikan satu implikasi yang kuat kepada pengamal kaunseling di Malaysia terhadap tahap kesejahteraan dan penglibatan kerja serta memberikan satu garis panduan kepada Kaunselor untuk meningkatkan tahap kesejahteraan mereka.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment
of the requirement for the degree of Master Science

COUNSELORS WELLNESS AND JOB INVOLVEMENT IN MALAYSIA

By

NG HAW KUEN

February 2015

Chair: Wan Marzuki Wan Jaafar, PhD

Faculty: Educational Studies

Counselor wellness issues are widely discussed globally, counselor impairment like burnout, compassion fatigue, vacarious traumatization, anxiety, job stress, substance abuse, mental and physical health problem are a threat to this profession.

Therefore the purpose of this study is to determine the relationship and influence between wellness and job involvement among counsellors in Malaysia. Descriptive and correlation research design was used in this study. There were 340 respondents from the schools in Malaysia were chosen through stratified sampling.

The instruments used in this study are The Five Factor Wellness Inventory (5F-WEL) and Kanungo Job Involvement inventory, which aim to measure the level of wellness and job involvement respectively. The Cronbach's Alpha Coefficients for the 5F-WEL is .94 and Job Involvement is .85. Data were analysed using descriptive, Pearson correlation and Multiple Linear Regression.

The results showed a significant positive relationship between wellness and job involvement ($r = .227$). The Multiple regression analysis also showed wellness being the significant predictor towards job involvement ($R^2 = .086$, $F (5, 334) = 6258$, $p < .05$). The Creativity Self ($\beta = .253$, $t = 3381$, $p < .05$) had significant regression weights, indicating Creativity Self has a stronger influence job involvement compared with other wellness factors.

However, when we did a mean score comparison between 5F-WEL ($M=81.72$) and counsellors ($M=78.29$) in Malaysia, we found that our counsellors still have to improve their on wellness. In addition, the study also found that respondents had a high level of job involvement and below mean score of wellness.

Overall, the findings of this study can provide powerful implications and guidelines on the wellness and job involvement for counselling practitioners in Malaysia.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Wan Marzuki bin Wan Jaafar, PhD

Pensyarah Kanan

Fakulti Pengajian Pendidikan,
Universiti Putra Malaysia.

(Pengerusi)

Maznah binti Baba, PhD

Pensyarah Kanan

Fakulti Pengajian Pendidikan,
Universiti Putra Malaysia.

(Ahli)

BUJANG KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis adalah hak mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/ fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____

Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: NG HAW KUEN, GS25933

JADUAL KANDUNGAN

	Muka Surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
 BAB	
1 PENDAHULUAN	
Latar Belakang	1
Pernyataan Masalah	3
Persoalan Kajian	4
Objektif Kajian	4
Hipotesis Kajian	4
Hipotesis Umum	4
Hipotesis Khusus	4
Kepentingan Kajian	5
Limitasi Kajian	6
Definisi Konsep dan Operasional	6
Kesimpulan	7
 2 KAJIAN LITERATUR	
Pengenalan	8
Latar Belakang Teori	8
Kerangka Teoritikal	10
Teori-Teori Lain Yang Berkaitan	12
Psikoanalisis	12
Psikologi Individu	12
Teori IS-Wel	12
Latar Belakang Guru Bimbingan dan Kaunseling	14
Kesejahteraan	17
Masalah Kesejahteraan Kaunselor	21
Penglibatan Kerja	23
Masalah Kesejahteraan dengan Penglibatan Kerja	26
Ulasan Kajian Berkaitan	28
Rangka Konseptual Kajian	34
Kesimpulan	34
 3 METODOLOGI KAJIAN	
Pengenalan	35
Reka Bentuk Kajian	35
Tempat Kajian	35
Subjek Kajian	36
Populasi Kajian	36

Sampel Kajian	36
Analisis Penerokaan Kajian	38
Alat Kajian	40
Five Factor Wellness Inventory	40
Inventori Penglibatan Kerja Kanungo	40
Kesahan dan Kebolehpercayaan	41
Kajian Rintis	41
Tatacara Kajian	44
Analisis Data	45
4 KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN	
Pengenalan	47
Kebolehpercayaan Kajian	47
Demografi	48
5F-WEL	57
Inventori Penglibatan Kerja Kanungo	63
Perbincangan	64
H_1 Kaunselor Malaysia mempunyai tahap Kesejahteraan yang tinggi	64
H_2 Kaunselor Malaysia mempunyai tahap Penglibatan Kerja yang tinggi	68
H_3 Terdapat hubungan yang signifikan antara Kesejahteraan kaunselor dengan Penglibatan Kerja	69
H_{3a} Terdapat hubungan yang siignifikan antara faktor Kreativiti Diri kaunselor dengan Penglibatan Kerja	71
H_{3b} Terdapat hubungan yang signifikan antara faktor Penyesuaian Diri kaunselor dengan Penglibatan Kerja	72
H_{3c} Terdapat hubungan yang signifikan antara faktor Sosial Diri kaunselor dengan Penglibatan Kerja	72
H_{3d} Terdapat hubungan yang signifikan antara faktor Kepentingan Diri kaunselor dengan Penglibatan Kerja	73
H_{3e} Terdapat hubungan yang signifikan antara faktor Fizikal Diri kaunselor dengan Penglibatan Kerja	74
H_4 Terdapat pengaruh yang signifikan antara Kesejahteraan kaunselor dengan Penglibatan Kerja	76
Keputusan Pengujian Hipotesis	78
Kesimpulan	80

5	RUMUSAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	
Pengenalan	81	
Rumusan	81	
Kesimpulan	82	
Implikasi	84	
Teoritikal	84	
Praktikal	85	
Cadang Kepada Pengamal Kaunseling	85	
Cadangan Kepada Kajian Yang Akan Datang	86	
 RUJUKAN	88	
LAMPIRAN	96	
BIODATA PELAJAR	106	

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
3.1	Pecahan Saiz Sampel	37
3.2	Min Keputusan Kesejahteraan Kajian Rintis	42
3.3	Analisis Data	45
4.1	Rumusan Demografi	55
4.2	Rumusan Keputusan 5F-WEL	62
4.3	Perbandingan Skor Min Kajian dengan Manual 5F-WEL dan Kaunselor	65
4.4	Analisis hubungan Kesejahteraan dengan Penglibatan Kerja	75
4.5	Ringkasan Model Regresi Pelbagai	77
4.6	ANOVA Kesejahteraan dan Penglibatan Kerja	77
4.7	Pekali Piawai Beta Kesejahteraan dan Penglibatan Kerja	77
4.8	Ringkasan Keputusan Kajian Berdasarkan Hipotesis Kajian	79

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
2.1	Roda Kesejahteraan	9
2.2	Kerangka Teoritikal Kajian	11
2.3	<i>The Indivisible Self</i>	13
2.4	Kerangka Konseptual Kajian	34
3.1	Analisis Penerokaan Data	39
4.1	Jumlah Responden Mengikut Negeri	48
4.2	Jumlah Responden Mengikut Jantina	48
4.3	Jumlah Responden Mengikut Etnik	49
4.4	Jumlah Responden Mengikut Kumpulan Umur	49
4.5	Jumlah Responden Mengikut Kumpulan Agama	50
4.6	Jumlah Responden Mengikut Kelayakan Akademik	50
4.7	Jumlah Responden Mengikut Kedudukan Tempat Kerja	51
4.8	Jumlah Responden Mengikut Sekolah	51
4.9	Jumlah Responden Mengikut Jenis Sekolah	52
4.10	Responden Mengikut Pengalaman Bertugas Di Sekolah	52
4.11	Jumlah Responden Mengikut Pengalaman Sebagai Guru Kaunseling	53
4.12	Jumlah Responden Mengikut Latihan Kaunseling	53
4.13	Jumlah Responden Menigikut Kaunselor Berdaftar	54
4.14	Keputusan Min 5F-WEL	58
4.15	Keputusan Min Kesejahteraan, Konteks dan Persepsi Keselamatan	58
4.16	Min Faktor dalam Kreativiti Diri	59
4.17	Min Faktor dalam Penyesuaian Diri	59
4.18	Min Faktor dalam Sosial Diri	60
4.19	Min Faktor dalam Fizikal Diri	60
4.20	Min Faktor dalam Kepentingan Diri	61
4.21	Keputusan Inventori Penglibatan Kerja Kanungo	63
4.22	Hubungan Kesejahteraan dengan Penglibatan Kerja	70

BAB 1

PENDAHULUAN

Latar Belakang

Sejak awal tahun 1960an, Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling telah diperkenalkan dalam sistem pendidikan negara ini (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2009). Pada masa kini, lebih kurang 7294 orang kaunselor sedang berkhidmat di sekolah rendah dan menengah (Rosniza, 2008) dan golongan ini boleh dikatakan sebagai majoriti dalam bidang perkhidmatan kaunseling di Malaysia. Isu seperti kaunselor “*Burnout*”, “*impairment*” dan “*stress*” banyak dibincangkan baru-baru ini di seluruh dunia, tetapi apa yang menyediakan adalah masih belum ada penyelidik yang peka terhadap keadaan kesejahteraan (*Wellness*) kaunselor di negara ini.

Sejarah menunjukkan bahawa manusia telah lama mengambil berat terhadap aspek kesejahteraan mereka, contohnya dalam ajaran agama, kepercayaan, falsafah, cerita, adat resam dan lain-lain. Tetapi apa yang mendukacitakan adalah ia tidak mendapat perhatian yang serius oleh golongan kaunselor yang memainkan peranan penting dalam usaha menjaga kesejahteraan seseorang (Lawson, Venart, Hazler dan Kottler, 2007).

Setiap orang tidak dapat elak dari masalah, lebih-lebih lagi mereka yang memilih profesi kaunselor sebagai kerjaya. Cummins, Massey dan Jones (2007) menyatakan bahawa antara punca yang menyebabkan masalah kesejahteraan kaunselor adalah seperti selalu berurusan dengan stres, sejarah trauma, masalah personaliti, tekanan hidup, sifat personaliti, tempat kerja, jumlah dan jenis kerja, terlebih beban tentang kes kemurungan dan terlalu banyak kerja lebih masa.

Punca-punca ini akan mengakibatkan kaunselor tidak stabil (*impairment*) yang mempunyai masalah kesihatan seperti kelesuan dan keletihan (*burnout*), kehilangan sifat belas kasihan (*compassion fatigue*), trauma penganti (*vacarious traumatization*), kerunsingan (*anxiety*), tekanan kerja (*job stress*), masalah mental, penyalahgunaan bahan kimia, masalah fizikal dan lain-lain (Lawson, 2007; Roach & Young, 2007, Lawson, Venart, Hazler dan Kottler, 2007).

Menurut Rollins (2005) lebih kurang 10% atau 5000 orang kaunselor yang berkhidmat di Amerika sedang berdepan dengan masalah tidak stabil. Lawson (2007) menyatakan bahawa kaunselor yang tidak sihat atau sejahtera seperti stres, murung atau tidak stabil (*impairment*) adalah tidak berkemampuan membekalkan perkhidmatan yang berkualiti kepada klien.

Kajian yang dijalankan oleh *American Counseling Association* (2010) menunjukkan bahawa 75.7% pengamal profesion kesihatan mental bersetuju masalah tidak stabil merupakan ancaman yang signifikan kepada kerjaya mereka. Dapatan juga menunjukkan bahawa 63.5% daripada mereka berpendapat rakan sekerja mereka mungkin mempunyai masalah tidak stabil.

Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa profesion kesihatan mental atau kesejahteraan mungkin berkeupayaan membekalkan perkhidmatan kesihatan mental dan kesejahteraan kepada klien masing-masing, tetapi apabila ia berlaku di atas diri sendiri, mereka adalah gagal berbuat demikian serta memerlukan bantuan dari pakar pihak luar. Secara umumnya, boleh dikatakan bahawa kaunselor adalah lebih mementingkan tahap kesejahteraan klien berbanding dengan diri sendiri serta mempunyai risiko yang tinggi dalam aspek gagal menjaga dan meningkatkan tahap kesejahteraan mereka.

Lodahl dan Kejner (1965) menyatakan bahawa penglibatan kerja merupakan tahap seseorang mengenal pasti secara psikologi terhadap kerja yang diamalkan atau kepentingan kerja dalam imej kendiri. Kajian menunjukkan penglibatan kerja memainkan peranan yang signifikan dalam hubungan kognitif kesejahteraan, terutama dalam aspek kepuasan hidup (Stiglbauer, Selenko, Batinic dan Jodlbauer, 2012).

Selain itu, kajian hubungan antara kelesuan dan keletihan kerja dengan kesejahteraan yang dijalankan oleh *American Counseling Association* (2010) terhadap 129 orang pengamal kaunseling menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kelesuan kerja dan keletihan kerja dengan kesejahteraan. Connolly dan Myers (2003) menyatakan bahawa kepuasan kerja yang rendah mempunyai hubungan dengan masalah kebimbangan, kemurungan dan lemah dalam aspek kesihatan fizikal dan psikologi. Hubungan signifikan positif dapat dilihat antara kepuasan kerja dengan kesejahteraan (Connolly dan Myers, 2003).

Maka dalam kajian ini saya akan memberikan fokus terhadap tahap kesejahteraan kaunselor di Malaysia serta melihat hubungan dan kesan pengaruhnya dengan penglibatan kerja. Diharap kajian ini dapat menjelaskan keadaaan semasa kesejahteraan dan penglibatan kerja kaunselor dan membantu pihak-pihak yang berkenaan untuk mempertingkatkan tahap kesejahteraan dan penglibatan kerja kaunselor.

Pernyataan Masalah

“Wellness” atau Kesejahteraan bukan sahaja bermaksud bebas dari penyakit dan keuzuran, malah menurut definisi Pertubuhan Kesihatan Dunia (World Health Organization) ia juga melibatkan aspek kesejahteraan fizikal, mental dan sosial (Roscoe, 2009; Lawson, Venart , Hazler dan Kottler, 2007). Lawson (2007) menyatakan bahawa kaunselor yang tidak sihat atau sejahtera seperti stres, murung atau tidak stabil (impairment) adalah tidak berkemampuan membekalkan perkhidmatan yang berkualiti kepada klien. Lanjutan daripada pernyataan di atas, kajian ini adalah penting untuk mengenal pasti komponen roda kesejahteraan yang mempengaruhi kesejahteraan kaunselor di Malaysia.

Menurut Gysbers (2001) bermula tahun 1920 telah mempunyai kecenderungan di mana guru kerjaya terpaksa menjalankan pelbagai tugas pejabat dari mengendalikan sesi kaunseling sebenar. Menurut Fitch dalam Gysbers (2001):

“Adalah sesuatu yang berbahaya apabila kaunselor mula memainkan peranan sebagai tukang ganti untuk melaksanakan tugas yang orang lain tidak ingin buat atau tiada masa untuk membuatnya.”

Gysbers (2001) berpendapat bahawa jika terlalu banyak peranan yang perlu dimainkan oleh kaunselor sekolah, tidak mustahil ia akan menghamparkan pihak pentadbir pada masa akan datang kerana matlamat tidak tercapai. Justeru, kajian ini perlu dilaksanakan untuk mengenal pasti tahap penglibatan kerja kaunselor di Malaysia.

Satu kajian telah dijalankan oleh Rollins (2005) berkaitan masalah tidak stabil kaunselor, beliau mendapati lebih kurang 10% atau 5000 orang kaunselor yang berkhidmat di Amerika sedang menghadapi masalah tidak stabil. Guy, Poelstra dan Stark (1989) juga mendapati sebanyak 74.3% daripada 318 orang ahli psikologi Amerika pernah mengalami *personal distress* dalam masa tiga tahun dan hampir satu pertiga atau 36.7% daripada mereka setuju bahawa ia akan memberikan kesan negetif terhadap kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada klien.

Selain itu, kajian untuk menilai keberkesanan perkhidmatan psikologi di Amerika telah dijalankan di kalangan 456 orang ahli psikologi yang berkhidmat di agensi swasta, klinik, universiti, hospital dan lain-lain menunjukkan bahawa 59.6% daripada mereka terpaksa meneruskan tugas terapi walaupun dalam keadaan stres dan tidak boleh bekerja secara efektif (Pope, Tabachnick dan Keith-Spiegel, 1987).

Lawson (2007) menyatakan bahawa kaunselor yang tidak stabil adalah tidak berkemampuan memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada klien. Oleh itu,

kajian ini perlu dilaksanakan bagi mengenal pasti tahap kesejahteraan kaunselor di Malaysia serta hubungannya dengan penglibatan kerja.

Persoalan Kajian

Daripada perbincangan permasalahan di atas, maka persoalan kajian berikut dikemukakan:

1. Apakah tahap kesejahteraan kaunselor di Malaysia?
2. Apakah tahap penglibatan kerja kaunselor di Malaysia?
3. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara kesejahteraan dengan penglibatan kerja kaunselor?
4. Adakah kesejahteraan mempunyai pengaruh yang signifikan dengan penglibatan kerja kaunselor?

Objektif Kajian

Secara umumnya kajian ini dijalankan bagi tujuan mengenal pasti faktor yang mempengaruhi kesejahteraan Guru Kaunseling Sekolah Rendah dan Menengah di Malaysia. Objektif khusus kajian ini adalah:

- a) Mengenal pasti tahap kesejahteraan kaunselor di Malaysia.
- b) Mengenal pasti tahap penglibatan kerja kaunselor di Malaysia.
- c) Mengenal pasti hubungan kesejahteraan kaunselor dengan penglibatan kerja.
- d) Mengenal pasti sama ada terdapat pengaruh kesejahteraan kaunselor dengan penglibatan kerja.

Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian kajian terbahagi kepada dua bahagian iaitu hipotesis umum dan hipotesis khusus. Hipotesis khusus yang dinyatakan adalah secara hipotesis alternatif untuk membuat ramalan awal hasil kajian.

Hipotesis Umum

1. Kaunselor Malaysia mempunyai tahap kesejahteraan yang tinggi.
2. Kaunselor Malaysia mempunyai tahap penglibatan kerja yang tinggi.
3. Terdapat hubungan yang signifikan antara Kesejahteraan kaunselor dengan penglibatan kerja.
4. Terdapat pengaruh yang signifikan antara kesejahteraan kaunselor dengan penglibatan kerja.

Hipotesis Khusus

Hipotesis yang berbentuk altenatif akan digunakan seperti mana yang berikut:

- H_1 Kaunselor Malaysia mempunyai tahap kesejahteraan yang tinggi.
- H_2 Kaunselor Malaysia mempunyai tahap penglibatan kerja yang tinggi.
- H_3 Terdapat hubungan yang signifikan antara kesejahteraan kaunselor dengan penglibatan kerja.
- H_{3a} Terdapat hubungan yang signifikan antara faktor Kreativiti Diri dengan Penglibatan Kerja.
- H_{3b} Terdapat hubungan yang signifikan antara faktor Penyesuaian Diri dengan Penglibatan Kerja.
- H_{3c} Terdapat hubungan yang signifikan antara faktor Sosial Diri dengan Penglibatan Kerja.
- H_{3d} Terdapat hubungan yang signifikan antara faktor Kepentingan Diri dengan Penglibatan Kerja.
- H_{3e} Terdapat hubungan yang signifikan antara faktor Fizikal Diri dengan Penglibatan Kerja.
- H_4 Terdapat pengaruh yang signifikan antara kesejahteraan kaunselor dengan Penglibatan Kerja.

Kepentingan Kajian

Kajian Kesejahteraan dan Penglibatan Kerja dalam kalangan Kaunselor di Malaysia perlu dijalankan kerana ia dapat memberikan satu gambaran kepada kita terhadap tahap kesejahteraan dan penglibatan kerja kaunselor di Malaysia.

Dapatan kajian dapat menjelaskan kepada kita terhadap komponen kesejahteraan yang perlu diberi perhatian bagi tujuan meningkatkan tahap kesejahteraan kaunselor di Malaysia. Manakala dapatan penglibatan kerja pula penting untuk tujuan penilaian kerja dan perkhidmatan kaunselor.

Hasil kajian juga dapat membantu Kementerian Pelajaran Malaysia dalam usaha menggubal dan membentuk dasar baru berkaitan perkhidmatan Guru Kaunseling di sekolah rendah dan menengah Malaysia. Secara tidak langsung, ia akan meningkatkan mutu kualiti perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah serta memaksimumkan kebaikan klien.

Selain itu, kajian ini dapat memberikan galakkan dan rujukan serta panduan kepada penyelidik masa depan supaya meneruskan penyelidikan di bidang kesejahteraan dan penglibatan kerja kaunselor.

Limitasi Kajian

Setiap kajian mempunyai had dan limitasinya yang tersendiri, begitu dengan kajian yang dijalankan ini. Inventori Kesejahteraan dan Penglibatan Kerja yang dibina adalah berdasarkan latar belakang budaya negara penyelidik masing-masing dan ia mungkin mengandungi unsur yang tidak sesuai atau halangan budaya dengan Malaysia. Atas kebenaran Myers dan Sweeney beberapa item di *Five Factor Wellness Inventory* (5F-WEL) telah dikeluarkan dari kajian seperti taraf perkahwinan yang melibatkan tinggal bersama dengan pasangan yang tidak mempunyai taraf perkahwinan yang sah, kumpulan etnik yang tidak sesuai dengan Malaysia dan orientasi seksual seperti gay, lesbian, biseksual dan heteroseksual. Kefahaman, Keikhlasan dan kejujuran responden menjawab inventori juga mempengaruhi keputusan kajian. Namun keadaan ini tidak dapat dikawal oleh penyelidik dan kita hanya dapat mengharapkan bahawa responden menjawab dengan sebaik yang mungkin.

Definisi Konsep dan Operasional

Kaunselor

Akta Kaunselor 1998 (Akta 580) menyatakan bahawa tiada seorang pun boleh mengamalkan, menjalankan atau mengendalikan amalan sebagai seorang kaunselor jika tidak berdaftar dan mempunyai perakuan amalan dari Lembaga Kaunselor. Dalam kajian ini, penggunaan kaunselor termasuk Guru Bimbingan dan Kaunseling yang bertugas di sekolah, samaada berdaftar atau tidak berdaftar dengan Lembaga Kaunselor Malaysia.

Guru Kaunseling

Di sekolah perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling bermulanya dengan Guru Panduan Pelajaran dan Kerjaya pada tahun 1960an (Amla Salleh, Zuria Mahmud, Salleh Amat, 2006; Kementerian Pendidikan Malaysia, 1993). Dalam kajian ini, Guru Kaunseling didefinisikan kepada mereka yang dipilih oleh sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah atau Jabatan Pendidikan Negeri sebagai Guru Bimbingan dan Kaunseling di sekolah rendah atau menengah.

Sekolah

Terdapat pelbagai jenis sekolah yang wujud dalam sistem pendidikan Malaysia contohnya sekolah rendah awam, sekolah menengah awam, sekolah swasta dan

pilihan pendidikan lain (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Konsep sekolah dalam kajian ini merujuk kepada Sekolah Kebangsaan, Sekolah Rendah Kebangsaan Jenis, Sekolah Menengah Kebangsaan, Sekolah Menengah Kebangsaan Jenis, Sekolah Pendidikan Khas, Sekolah Pendidikan Agama, Sekolah Pendidikan Vokasional dan Sekolah Berasrama Penuh di Malaysia.

Kesejahteraan

Dewan Bahasa dan Pustaka (2007) menyatakan bahawa Kesejahteraan membawa maksud keselamatan, kesenangan hidup, kesentosaan dan ketenteraman. Dalam penyelidikan ini, konsep Kesejahteraan merupakan sesuatu proses yang aktif dimana individu sedar serta dapat membuat pilihan bagi menjana kewujudan yang lebih sempurna (Myers dan Sweeney, 2007), faktor yang terkandung dalam kesejahteraan adalah Rohani, Pengurusan Diri, Pekerjaan dan Masa Lapang, Persahabatan dan Kasih Sayang (Myers dan Sweeney, 2005). Untuk menguji tahap kesejahteraan, inventori 5F-WEL akan digunakan. Ia menggunakan skala 4 mata likert, mula dari 1) Sangat tidak setuju, 2) tidak setuju, 3) setuju dan 4) sangat setuju. Skor yang tinggi menunjukkan tahap kesejahteraan yang tinggi. Bagi tujuan menentukan tahap kesejahteraan, kaedah perbandingan skor min boleh digunakan, mengikut manual 5F-WEL, skor min Kesejahteraan adalah 71.63. Ini menunjukkan individu yang mendapat skor min yang tinggi mempunyai tahap kesejahteraan yang tinggi dan dibawah skor min merupakan individu yang perlu mempertingkatkan tahap kesejahteraan mereka.

Penglibatan Kerja

Penglibatan kerja merupakan tahap seseorang mengenal pasti secara psikologi terhadap kerja yang diamalkan atau kepentingan kerja dalam imej kendiri (Lodahl dan Kejner, 1965). Dalam kajian ini, Penglibatan Kerja yang tinggi menunjukkan seseorang dapat menjawai serta melibatkan diri secara aktif dalam pekerjaan yang diamalkan (Kanungo, 1982). Bagi individu ini, pekerjaan bukan sekadar alat untuk menyara hidup, malah ia telah menjadi gaya hidup dan matlamat hidup mereka. Tahap penglibatan kerja diukur dengan Inventori Penglibatan Kerja Kanungo. Ia mempunyai skala 6 mata likert yang bermula dengan 1) Sangat tidak setuju, 2) Tidak setuju, 3) Agak tidak setuju, 4) Agak setuju, 5) Setuju dan 6) Sangat setuju. Skor min inventori adalah 31.3 (Robbins, 2008). Skor di bawah 25 menunjukkan penglibatan kerja yang rendah dan 40 menunjukkan penglibatan kerja yang tinggi.

Kesimpulan

Baru-baru ini isu kesejahteraan kaunselor menjadi tumpuan bagi penyelidik seluruh dunia, tetapi masih tidak ada satu kajian yang khusus dan mendalam terhadap isu ini di Malaysia. Maka harap kajian yang dijalankan dapat menerangkan tahap kesejahteraan dan penglibatan kerja kaunselor serta dapat memberikan satu implikasi yang kuat sama ada secara teoritikal atau praktikal kepada pengamal kaunseling di Malaysia.

RUJUKAN

- Abrams, M. dan Ellis, A. (1994). Rational Emotive Behaviour Therapy in the Treatment of Stress. *British Journal of Guidance & Counselling*. 22(1), 39-51.
- Allport, G.W. (1945). The Psychology of Participation. *The Psychological Review*. 53(3), 117-132.
- American Counseling Association.(2010). Taskforce on Counseling Wellness and Impairment. In Puig, A. , Baggs, A. , Mixon, K. , Park, Y.M. , Kim, B.Y. dan Lee, S.M. (2012). Relationship between Job Burnout and Personal Wellness in Mental Health Professionals. *Journal of Employment Counseling*. 49(3), 98-109.
- Amla Salleh, Zuria Mahmud dan Salleh Amat. (2006). *Bimbingan dan Kaunseling Sekolah*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ary, D. , Jacobs, L.C. dan Razavieh, A. (2002). *Introduction for Research in Education, Sixth Edition*. Belmont: Wadsworth/ Thomson Learning.
- Baird, K. dan Kracen, A.C. (2006). Vicarious Traumatization and Secondary Traumatic Stress: A Research Synthesis. *Counselling Psychology Quarterly*. 19(2), 181-188.
- Bass,B.M. (1965). Organizational Psychiology. In Weissenberg, P. dan Gruenfeld,L.W. 1968. Relationship between Job Satisfaction and Job Involvement. *Journal of Applied Psychology*. 52(6), 469-473.
- Bemak, F. (2000). Transforming the Role od the Counselor to Provide Leadership in Educational Reform through Collaboration. *Professional School Counseling*. 5-3, 323-332.
- Bhagat, R. dan Allie, S. (1998). Organizational Stress, Personal Life Stress and Symptoms of Life Strains: An Examination on the Moderating Role of Sense of Competence. In Puig, A. , Baggs, A. , Mixon, K. , Park, Y.M. , Kim, B.Y. dan Lee, S.M. (2012). Relationship between Job Burnout and Personal Wellness in Mental Health Professionals. *Journal of Employment Counseling*. 49(3), 98-109.
- Calicchia, J.A. dan Graham, L.B. (2006). Assessing the Relationship between Spirituality, Life Stessors and Social Resources: Buffers od Stress in Graduate Students. *North American Journal of Psychology*. 8(2), 307-320.
- Chiu Su Fen dan Tsai Miao Ching. (2006). Relationships Among Burnout, Job Involvement and Organizational Citizenship Behavior. *Journal of Psychology*. 140(6), 517-530.

- Cummins, P.N. , Massey, L. dan Jones, A. (2007). Keeping Ourselves Well: Strategies for Promoting and Maintaining Counselor Wellness. *Journal of Humanistic Counseling, Education & Development*. 46 (1), 35-49.
- Cuyper, N.D. , Mauno, S. , Kinnunen, U. , Witte, H.D. , Makikangas, A. dan Natti, J. (2010). Autonomy and Workload in Relation to Temporary and Permanent Worker's Job Involvement: A test in Belgium and Finland. *Journal of Personnel Psychology*. 9(1), 40-49.
- Cohen, J. (1998). *Statistical Power Analysis for the Behavioral Sciences, Second Edition*. New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates, Publishers.
- Connolly, K.M. dan Myers, J.E. (2003). Wellness and Mattering: The Role of Holistic Factors in Job Satisfaction. *Journal of Employment Counseling*. 40(4), 152-160.
- Demir, M. dan Davidson, I. (2013). Toward a Better Understanding Relationship Between Friendship and Happiness: Perceived Responses to Capitalization Attempts, Feelings of Mattering, and Satisfaction of Basic Psychological Needs in Same-Sex Best Friendships as Predictors of Happiness. *Journal of Happiness Studies*. 14(2), 525-550.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2007). *Kamus Dewan, Edisi Keempat*. Ampang: Dawama Sdn.Bhd.
- Dillman, D.A. , Smyth, J.D. dan Christian, L.M. (2009). Internet, Mail and Mixed-Mode Surveys, The Tailored Design Method, Third Edition. Hoboken: John Wiley & Sons, Inc.
- De Cuyper, Saija Mauno, Ulla Kinnunen, Hans De Witte, Anne Makikangas and Jouko Natti. (2010). Autonomy and Workload in Relation to Temporary and Permanent Worker's Job Involvement. *Journal of Personnel Psychology*. 9(1), 40-49.
- Figley, C.R. (2002). Compassion Fatigue: Psychotherapists Chronic Lack of Self Care. *Journal of Clinical Psychology*. 58 (11), 1433-1411.
- Fourie, L. , Rothmann, S. dan Van De Vijver, J.R. (2008). A Model of Work Wellness for Non-Professional Counsellors in South Africa. *Stress and Health (formerly Stress Medicine)*. 24(1), 35-47.
- Gibson, W.T. dan Pope, K.S. (1993). The Ethics of Counseling: A National Survey of Certified Counselors. *Journal of Counseling & Development*. 71(3), 330-336.
- Goldin, E. , Bordan, T. , Araoz, D.L. , Gladding, S.T. , Kaplan, D. , Krumboltz, J. dan Lazarus, A. (2006). Humor in Counseling: Leader Perspectives. *Journal of Counseling & Development*. 84(4), 397-404.

- Groves, R.M. , Fowler, F.J. , Couper, M.P. , Lepkowski, J.M. , Singer, E. , dan Tourangeau, R. (2009). Survey Methodology, Second Edition. Hoboken: John Wiley & Sons, Inc.
- Guy, J.D. , Poelstra, P.L. dan Stark, M.J. (1989). Personal Distress and Therapeutic Effectiveness: National Survey of Psychologists Practicing Psychotherapy. *Professional Psychology: Research and Practice*. 20(1), 48-50.
- Gysbers, N.C. (2001). School guidance and counseling in the 21st century: Remember the past into the future. *Professional School Counseling*, 5, 96-105.
- Halloran, T.M. dan Linton, J.M. (2000). Stress on the Job: Self-Care Resources for Counselor. *Journal of Mental Health Counseling*. 22(4), 354-364.
- Heikkilä, K, Fransson, E.I., Nyberg, S.T., Zins, M., Westerlund, H., Westerholm, P., Virtanen, M., Vahtera, J., Suominen, S., Steptoe, A., Salo, P., Pentti, J., Oksanen, T., Nordin, M., Marmot, M.G., Lunau, T., Ladwig, K.H., Koskenvuo, M., Knutsson, A., dan Kittel, F.(2013). Job Strain and Health-Related Lifestyle: Findings From an Individual-Participant Meta-Analysis of 118 000 Working Adults. *American Journal of Public Health*. 103 (7), 1-8.
- Katz, D.dan Kahn, R.L. (1966). The Social Psychology of Organisations. In Weissenberg, P. dan Gruenfeld, L.W.(1968). Relationship between Job Satisfaction and Job Involvement. *Journal of Applied Psychology*. 52(6), 469-473.
- Kanungo, R.N. (1982). Measurement of Job and Work Involvement. *American Psychological Association*. 67(3), 341-349.
- Kementerian Pendidikan Malaysia.(1993). *Panduan Pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Di Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur: Unit Bimbingan dan Kaunseling, Bahagian Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia.(2001). *Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Matlamat dan Misi*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia.(2009). *Panduan Pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah Rendah dan Menengah*. Putrajaya: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia.(2010). *Statistik*. <http://www.moe.gov.my/>. (23 Oct 2010).
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). *Quick Facts 2014, Malaysia Educational Statistics*. Putrajaya: Educational Data Sector, Educational Planning and Research Division, Ministry of Education Malaysia.

Krejcie, R.V. dan Morgan, D.W. (1970). Determining Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*. 30, 607-610. In Lawson, G. , Venart, E. , Hazler, R.J. dan Kottler, J.A. (2007). Toward a Culture of Counselor Wellness. *Journal of Humanistic Counseling, Education & Development*. 46 (1), 5-19.

Kuhnel, J. , Sonnentag, S. dan Westman, M. (2009). Does Work Engagement Increase After a Short Respite? The Role of Job Involvement as a Double-Edged Sword. *Journal of Occupational and Organizational Psychology*. 82(3), 575-594.

Lawson, G. (2007). Counselor Wellness and Impairment: A National Survey. *Journal of Humanistic Counseling, Education & Development*. 46 (1), 20-34.

Lawson, G. , Venart, E. , Hazler, R.J. dan Kottler, J.A. (2007). Toward a Culture of Counselor Wellness. *Journal of Humanistic Counseling, Education & Development*. 46 (1), 5-19.

Lembaga Kaunselor. (1998). *Akta Kaunselor 1998 (Akta 580)*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Sendirian Berhad.

Lembaga Kaunselor Malaysia.(2011). Kuala Lumpur: Penerbitan Lembaga Kaunselor.

Lockwood, P. dan Wohl, R. (2012). The Impact of a 15-Week Lifetime Wellness Course on Behavior Change and Self-Efficacy in College Students. *College Student Journal*. 46(3), 628-641.

Lodahl, T.M. dan Kejner, M.(1965). The Definition and Measurement of Job Involvement. *Journal of Applied Psychology*. 49(1), 24-33.

Low Dog, T. (2010). The Role of Nutrition In Mental Health. *Alternative Therapies in Health and Medicine*. 16(2), 42-46.

Manjari Singh and Anita Sarkar.(2012). The Relationship between Psychological Empowerment and Innovative Behavior. *Journal of Personnel Psychology*. 11(3), 127-137.

Maslach, C. 1993. Burnout: A Multidimensional Perspective. In Bakker, A.B. , Van Der Zee, K.I. , Lewig, K.A. and Dollard, M.F. (2006). The Relationship Between the Big Five Personality Factors and Burnout: A Study Among Volunteer Counselors. *Journal of Social Psychology*. 146 (1), 31-50.

- Maslach, C. dan Schaufeli, W.B. 1993. Historical and Conceptual Development of Burnout. In Bakker, A.B. , Van Der Zee, K.I. , Lewig, K.A. and Dollard, M.F. (2006). The Relationship Between the Big Five Personality Factors and Burnout: A Study Among Volunteer Counselors. *Journal of Social Psychology*. 146 (1), 31-50.
- Moorhead, H.J.H. , Gill, C. , Minton, A.B. dan Myers, Jane. (2012). Forgive and Forget? Forgiveness, Personality, and Wellness Among Counselors in Training. *Counseling and Values*. 57, 81-96.
- Morieux, Y. (2013). *As Work Gets More Complex, 6 Rules to Simplify*. https://www.ted.com/talks/yves_morieux_as_work_gets_more_complex_6_rules_to_simplify/transcript.Retrieved 19 Mei 2014.
- Myers, J.E. , Sweeney, T.J. dan Witmer, M. (2000). The Whell of Wellness for Wellness: A Holistic Model for Treatment Planning. *Journal of Counseling and Development*, 78(3), 251-266.
- Myers, J.E. , Mobley, A.K. dan Booth, C.S. (2003). Wellness of Counseling Students: Practicing What We Preach. *Counseling Education and Supervision*. 42 (4), 264-274.
- Myers, J.E. dan Sweeney, T.J.(2005). *Manual for the Five Factor Wellness Inventory 5F-Wel*. Greensboro: Author.
- Myers, J.E. dan Sweeney, T.J.(2005). *Counseling For Wellness, Theory, Research, and Practice*. Virginia: American Counseling Association.
- Myers, J.E. dan Sweeney, T.J.(2007). Wellness in Counseling: An Overview. *Professional Counseling Digest*. Virginia: American Counseling Association.
- Noraini Kaprawi. (2010). Kajian Tinjauan (Secara Kuantitatif). Dalam Noraini Idris (Ed.). *Penyelidikan dalam Pendidikan: Bahagian 3. Kaedah Penyelidikan Kuantitatif*. Bab 10, 195-214. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Othman Mohamed. (2005). *Prinsip Psikoterapi dan Pengurusan dalam Kaunseling*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Pope, K.S. , Tabachnick, B.G. dan Keith-Spiegel, P. (1987). Ethics of Practice: The Beliefs and Behaviors of Psychologists as Therapists. *American Psychologist*. 42, 993-1006.
- Prilleltensky, I. (2013). Wellness without Fairness: The Missing Link in Psychology. *South African Hournal of Psychology*. 43(2), 147-155.
- Prottas, D.J. dan Hyland, M.A.M. (2011). Is high Involvement at Work and Home so Bad? Contrasting Scarcity and Expansionist Perspectives. (2011). *The Psychologist-Manager Journal*. 44(1), 29-51.

- Puig, A. , Baggs, A. , Mixon, K. , Park, Y.M. , Kim, B.Y. dan Lee, S.M. (2012). Relationship between Job Burnout and Personal Wellness in Mental Health Professionals. *Journal of Employment Counseling*. 49(3), 98-109.
- Rachele, J.N. , Cuddihy, T.F. , Washington, T.L. dan McPhail, S.M. (2013). Reliability of the Five Factor Wellness Inventory Among Male Adolescents. *Journal of Individual Psychology*. 69(2), 118-132.
- Reese, R.F. dan Myers, J.E. (2012). EcoWellness: The Missing Factor in Holistic Wellness Models. *Journal of Counseling and Development*. 90(4), 400-406.
- Reiner, Summer M. , Colbert, Robert D. dan Pérusse, Rachelle. (2009). Teacher Perceptions of the Professional School Counselor Role: A National Study. *Professional School Counseling*, 12-5, 324-332.
- Riipinen, M. (1997). The Relationship between Job Involvement and Well-Being. *The Journal of Psychology*. 131(1), 81-89.
- Roach, L.F. dan Young, M.E. (2007). Do Counselor Education Programs Promote Well in Their Students? *Counselor Education and Supervision*. 47 (1), 29-45.
- Robbins, S.P. (2008). *Self-Assessment Library, Insights Into Your Skills, Interests and Abilities*. New Jersey: Pearson.
- Rollins, J. (2005). A Campaign for Counselor Wellness. *Counseling Today*. 48 (4), 22-42, 3p.
- Roscoe, L.J. (2009). Wellness: A Review of Theory and Measurement for Counselors. *Journal of Counseling & Development*. 87 (2), 216-226.
- Rosniza Mohd Taha. (2008, Januari 18). Kaunselor Sekolah Tak Wajib Daftar Lembaga. *Berita Harian*. ms. __
- Sexton, L. (1999). Vicarious Traumatisation of Counsellors and Effects on Their Workplaces. *British Journal of Guidance & Counselling*. 27 (3), 393-404.
- Shurts, W.M. dan Myers, J. (2008). An Examination of Liking, Love Styles, and Wellness Among Emerging Adults: Implications for Social Wellness and Development. *Adulstspan Journal*. 7(2), 51-68.
- Shillingford, M.A. , Trice-Black, S. dan Butler, S.K. (2013). Wellness of Minority Female Counselor Educators. *Counselor Education and Supervision*. 52(4), 255-269.

- Skovholt, T. M.(2001). The Resilient Practitioner: Burnout Prevention and Self-Care Strategies for Counselors, Therapists, Teachers, and Health Professionals. In Roach, L.F.dan Young, M.E. 2007. Do Counselor Education Programs Promote Well in Their Students? *Counselor Education and Supervision*. 47 (1), 29-45.
- Smith, H.L. , Mike, R.III.E.H. dan Young, M.E. (2007). The Relationship Among Wellness, Psychological Distress, and Social Desirability of Entering Master's-Level Counselor Trainess.*Counselor Education and Supervision*. 47, 96-109.
- Sonnentang, S. , Fritz, C. , Arbeus, H. dan Mahn, C. (2014). Exhaustion and Lack of Psychological Detachment from Work During Off-Job Time: Moderator Effects of Time Pressure and Leisure Experience. *Journal of Occupational Health Psychology*. 19(2), 206-216.
- Stevanovic, P. dan Rupert, P.A. (2004). Career-Sustaining Behaviors, Satisfactions and Stresses of Professional Psychologists. *Psychotherapy: Theory, Research, Practice, Training*. 41(3), 301-309.
- Stiglbauer, B. , Selenko, E. dan Jodlbauer, S. (2012). On the Link between Job Insecurity and Turnover Intentions: Moderated Mediation by Work Involvement and Well-being. *Journal of Occupational Health Psychology*. 17(3), 354-364.
- Swarbrick, M. , D'Antonio, D. dan Nemec, P.B. (2011). Promoting Staff Wellness. *Psychiatric Rehabilitation Journal*. Special issue: *Promoting Integrated Healthcare for People Living with Psychiatric Disabilities*. 34(4), 334-336.
- Sweeney, Thomas J. and Witmer, J. Melvin.(1991). Beyond Social Interest: Striving Toward Optimum Health and Wellness.*Individual Psychology: The Journal of Adlerian Theory, Research & Practice*. 47 (4), 527-541.
- Van Beek, I. , Hu, Q. , Schaufeli, W.B. , Taris, T.W. dan Schreurs, B.H.J. (2012). For Fun, Love or Money: What Drives Workaholic, Engaged and Burned-Out Employees at Work? *Applied Psychology: An International Review*. 61(1), 30-55.
- Walsh, B. dan Walsh, S. (2002). Caseload Factors and the Psychological Well-Being of Community Mental Health Staff. *Journal of Mental Health*. 11(1), 67-78.
- Weissenberg, P. dan Gruenfeld, L.W.(1968). Relationship between Job Satisfaction and Job Involvement. *Journal of Applied Psychology*. 52(6), 469-473.
- Westwood, M. dan Pinzon, J. (2008). Adolescent Male Health. *Paediatrics and Child Health*. 13(1), 1937-1943.

Witmer, J.M. and Sweeney, Thomas J.(1992). A Holistic Model for Wellness and Prevention Over The Life Span. *Journal of Counseling & Development*. 71 (2), 140-148.

Witmer, J.M. dan Young, M.E. (1996). Preventing Counselor Impairment: A Wellness Approach.*Journal of Humanistic Education & Development*. 34(3), 141-156.

Wright, Bob BW. (2004). Compassion Fatigue: How to Avoid it. *Palliative Medicine*. 18 (1), 3-4.

Wolf, C.P. , Thompson, I.A. , Thompson, E.S. dan Smith-Adcock, S. (2014). Refresh Your Mind, Rejuvenate Your Body, Renew Your Spirit: A Pilot Wellness Program for Counselor Education. *Journal of Individual Psychology*. 70 (1), 57-75.

Young, M.E. dan Lambie, G.W. 2007. Wellness in school and mental health settings. In Roach, L.F.dan Young, M.E. (2007). Do Counselor Education Programs Promote Well in Their Students? *Counselor Education and Supervision*. 47 (1), 29-45.